

PRU-13: Najib puji semangat jentera BN Selangor

Utusan Online

22 April, 2013

KUALA LUMPUR 22 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memuji semangat yang ditunjukkan oleh jentera Barisan Nasional (BN) Selangor dalam menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-13.

Menurutnya, usaha keras mereka itu memberi keyakinan bahawa BN boleh menawan semula Selangor sekiranya jentera parti terus mengekalkan momentum semangat juang seperti hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan *walkabout* di Taman Melawati dan bertemu pengundi di Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Kelang di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130422/dn_10/PRU-13-Najib-puji-semangat-jentera-BN-Selangor#ixzz2Zu8GuzNP

© Utusan Melayu (M) Bhd